

UMP perkenal program Mygift

SINAR HARIAN 27/8/2015 (Chns). m/s y
Jadi saluran kumpul sumbangan pelbagai pihak bagi tujuan taja pendidikan

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Universiti Malaysia PAhang (UMP) memperkenalkan program Mygift sebagai saluran mengumpulkan sumbangan pelbagai pihak bagi tujuan tajaan pelajaran dan penyediaan kemudahan prasarana kepada para pelajar yang memerlukan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, Mygift diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri atau syarikat untuk sama-sama menyumbang.

Menurutnya, sebanyak sembilan jenis tabungan atau endowmen akan

dilaksanakan di bawah Mygift iaitu Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

"Sebagai contoh Endowmen Kursi merupakan dana atau derma dari mana-mana pertubuhan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti dalam menjalankan aktiviti. Dalam masa terdekat UMP akan bangunkan sebuah portal bagi memudahkan orang ramai atau badan korporat untuk menghulurkan sumbangan secara dalam talian," katanya pada Program



Mesra Media Jom Makan Durian, di sini semalam.

Dr Daing Nasir berkata, bagi universiti yang memiliki dana boleh mengadakan pelbagai aktiviti di seluruh dunia seperti penyelidikan, membayar gaji profesor ternama dan menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang sehingga menjadikannya terkenal dan maju.

"Begini juga dengan

“ Sebagai contoh Endowmen Kursi merupakan dana atau derma dari mana-mana pertubuhan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti dalam menjalankan aktiviti. Dalam masa terdekat UMP akan bangunkan sebuah portal bagi memudahkan orang ramai atau badan korporat untuk menghulurkan sumbangan secara dalam talian.” - Dr Daing Nasir

Endowmen Biasiswa Pelajar diwujudkan bagi membantu mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan semasa pengajian di peringkat universiti.

"Dana ini juga dapat menyokong pelajar cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi di UMP atau memberi peluang mengikuti program di luar

negara," katanya.

Justeru katanya, UMP amat mengalui-alukan sumbangan daripada semua pihak sama ada dalam atau luar negara dalam usaha menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan.

"Mereka boleh melayari laman sesawang UMP iaitu www.ump.edu.my untuk maklumat lanjut," katanya.